

## **PENGHAYATAN NILAI-NILAI MURNI KE ARAH PEMBENTUKAN DISIPLIN PELAJAR**

**Ali Bin Suradin  
Eni Eryanti Yusoff**

*Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.*

Dewasa ini masalah disiplin di sekolah banyak diperkatakan dan sering sahaja menjadi isu perbincangan di media cetak dan elektronik. Salah laku yang melibatkan golongan pelajar belasan tahun kini berada pada peringkat yang membimbangkan dengan bertambahnya bilangan kes yang mendadak. Kebanyakan bentuk jenayah yang dilakukan oleh mereka setaraf dengan jenayah yang dilakukan oleh orang dewasa.

Menurut Haslina Hassan (2000), Kementerian Pendidikan melalui Laporan Gangsterisme di Sekolah Menengah Harian mendedahkan penglibatan pelajar dalam pelbagai kes seperti salah guna dadah, minum minuman keras, memiliki senjata api, mencerooboh, mencuri, berjudi dan membuli. Manakala menurut Sarjit Singh Gill (2004), Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2003 telah mengenal pasti seramai 76 300 pelajar atau 1.09 peratus daripada tujuh juta pelajar di negara ini terbabit dengan masalah disiplin. Kegiatan pelajar sekolah menengah dalam aktiviti kongsi gelap, lumba motosikal haram, peras ugut, rogol, mencuri dan membunuh telah banyak dilaporkan. Pelajar sekolah sudah berani melanggar bukan sahaja peraturan sekolah malah undang-undang negara.

Apabila bilangan kes jenayah yang melibatkan pelajar semakin hari semakin meningkat, masyarakat mula menunding jari menyalahkan pihak sekolah kerana dikatakan tidak melaksanakan tanggungjawab dalam memberi pendidikan sepenuhnya, manakala guru-guru hanya menekankan bidang akademik sahaja. Bagaimana pula peranan institusi keluarga dalam menangani bersama masalah disiplin pelajar? Bekas Perdana Menteri Malaysia Tun Dato' Dr. Mahathir Mohamad dalam dalam ucapan sempena tahun baru 1995 menyatakan,

“...Tanda-tanda menunjukkan bahawa peranan ibu bapa dalam mendidik anak-anak sudah agak berkurangan. Mungkin ini disebabkan oleh kedua-dua ibu bapa bekerja. Hakikatnya ialah banyak ibu bapa yang tidak memberi perhatian yang serius kepada pendidikan anak-anak mereka...”

(Mahathir Mohamad, 1995)

Menurut Sarjit Singh Gill (2004), apakah yang sudah berlaku kepada remaja terutama pelajar sekolah sehingga sanggup melakukan pelbagai aktiviti yang bertentang dengan undang-undang dan nilai kemanusiaan sejagat? Adakah pendidikan agama dan moral di sekolah gagal membentuk peribadi dan sahsiah serta etika pelajar? Manakala persoalan menurut Ahmad Khamis (1999), adakah nilai-nilai murni yang disemai dan dipelihara oleh bangsa Melayu sudah lusuh rentetan daripada pemodenan mental dan kebendaan?

Pendekatan nilai merentasi kurikulum di sekolah menjadi satu kepentingan dalam pendidikan masa kini supaya nilai-nilai murni dapat dipupuk merentasi kurikulum. Asas penting hujah yang diberikan terhadap tuntutan ini ialah untuk menjadikan mata pelajaran yang dipelajari di sekolah berupaya mencorak dimensi dan kualiti nilai-nilai baik, positif dan progresif. Nilai-nilai yang dipupuk merentasi kurikulum akan dapat membentuk generasi muda yang lebih bertanggungjawab untuk mempertahankan nilai-nilai yang baik sebagai asas mewujudkan kesejahteraan, keamanan dan kemajuan.

Setiap strategi penerapan nilai-nilai murni yang dilaksanakan oleh pihak sekolah mestilah dapat meningkatkan tahap penghayatan nilai-nilai murni dalam diri pelajar dan seterusnya dapat membentuk disiplin dalam diri agar tidak melakukan sebarang kesalahan yang bertentangan dengan nilai-nilai murni yang telah diterapkan. Penghayatan nilai-nilai murni ini akan dapat membentuk kehalusan jiwa dan seterusnya akan dapat melahirkan peribadi pelajar yang lebih berdisiplin dan seimbang. Untuk itu satu kajian dilakukan bagi melihat sejauh manakah penghayatan nilai murni dapat membentuk disiplin

seseorang pelajar. Dalam kajian ini akan mengenal pasti hubungan masalah disiplin pelajar di sekolah yang berlaku kini dengan penghayatan nilai-nilai murni dalam diri pelajar.

Dalam kajian ini beberapa persoalan telah ditimbulkan iaitu:

1. Apakah tahap penghayatan nilai-nilai murni dalam diri pelajar ?
2. Adakah penerapan nilai-nilai murni yang telah diterapkan di sekolah dapat dihayati oleh pelajar dalam kehidupan seharian mereka?
3. Apakah tahap pembentukan disiplin dalam kehidupan seharian pelajar?
4. Bagaimanakah kesan dari penghayatan nilai-nilai murni dalam membantu membentuk disiplin pelajar?

Rekabentuk kajian ini adalah berbentuk tinjauan deskriptif menggunakan soal selidik. Pengkaji memilih kaedah tinjauan bagi mengumpul data mengenai pembolehubah-pembolehubah yang berkaitan dengan tajuk kajian iaitu penghayatan nilai-nilai murni dan pembentukan disiplin (Mohd.Majid, 2000). Melalui kaedah tinjauan ini juga dapat membantu pengkaji mendapatkan data dari bilangan saiz sampel yang besar (Mohd. Najib, 1999).

### Tahap Penghayatan Nilai-Nilai Murni di kalangan Pelajar Aliran Teknik dan Vokasional

Persoalan kajian 1 : Apakah tahap penghayatan nilai-nilai murni dalam diri pelajar?

Jadual 1.0 : Julat Skor Min Bagi Penghayatan Nilai Murni Dalam Diri

Kod Kumpulan	Julat	Tahap
1	1.00 – 2.33	Rendah
2	2.34 – 3.67	Sederhana
3	3.68 – 5.00	Tinggi

Sumber : Adaptasi daripada Landell (1997, dalam Noorsuriani, 2000)

Jadual 1.2 : Rumusan Analisis Bagi Tahap Penghayatan Nilai-Nilai Murni

Aliran	Skor Min					
	Asrama		Rumah		Keseluruhan	
<b>Tahap Penghayatan Nilai-Nilai Murni Pelajar</b>						
Teknik	3.83	Tinggi	3.75	Tinggi	3.80	3.73
Vokasional	3.73	Tinggi	3.63	Sederhana	3.68	

Hasil daripada analisis untuk mengenalpasti tahap penghayatan nilai-nilai murni dalam diri pelajar menunjukkan nilai skor min keseluruhan adalah 3.73. Nilai skor min ini berada pada tahap tinggi berdasarkan kepada julat skor min pada jadual 1.0 yang telah diadaptasi dari Landell (1997) dalam Noorsuriani (2000). Skor min bagi aliran teknik dan vokasional juga menunjukkan tahap penghayatan yang tinggi tinggi dengan skor min 3.80 bagi aliran teknik dan 3.68 bagi aliran vokasional.

Dapatan kajian untuk mengenal pasti tahap penghayatan nilai-nilai murni dalam diri pelajar adalah berada pada tahap tinggi. Tahap penghayatan nilai-nilai murni berada pada tahap tinggi ini apabila pelajar mengetahui dan memahami sepenuhnya tindakan yang perlu diambil dengan menilai setiap pilihan yang ada berdasarkan penghayatan nilai-nilai murni dalam diri mereka.

Seterusnya responden dibahagikan mengikut tempat tinggal iaitu di asrama dan di rumah. Dilihat wujud perbezaan skor min di antara pelajar aliran teknik yang tinggal di rumah dan pelajar aliran vokasional yang tinggal di rumah. Skor min bagi pelajar aliran teknik yang tinggal di rumah adalah 3.75 iaitu berada pada tahap tinggi dan pelajar aliran vokasional yang tinggal di rumah adalah 3.63 iaitu berada pada tahap sederhana.

Perbezaan tahap penghayatan nilai-nilai murni di antara pelajar aliran teknik dan vokasional ini wujud adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Salah satu faktor yang mendorong keputusan ini adalah dari segi kelayakan akademik pelajar. Syarat kelayakan akademik seseorang pelajar yang ingin belajar di sekolah menengah teknik bagi aliran teknik atau vokasional adalah berbeza seperti dalam lampiran A. Untuk itu faktor kelayakan akademik pelajar dikira sebagai salah satu faktor yang dapat menjawab kepada kenapa wujudnya perbezaan dari segi tahap penghayatan bagi pelajar aliran teknik dan vokasional.

Walau bagaimanapun tahap penghayatan nilai-nilai murni ini masih dapat ditingkatkan dengan usaha yang berterusan oleh pihak sekolah dan ibu bapa. Ini adalah kerana proses penerapan dan penghayatan ini tidak boleh terhenti pada satu tahap sahaja. Ibu bapa perlu memainkan peranan dengan memberi tunjuk ajar dan contoh yang terbaik kepada anak-anak mereka. Ini kerana pelajar yang terlibat adalah pelajar aliran vokasional yang tinggal di rumah. Nilai-nilai hidup yang baik perlu ditanam, dipupuk dan dibentuk dalam diri seorang pelajar kerana mereka adalah merupakan pelapis generasi yang akan datang. Sekiranya nilai-nilai ini tidak terapkan dari sekarang, sistem nilai dalam masyarakat sesebuah negara pasti akan berubah ke arah yang lebih buruk (Toffler, 1969). Jangan biarkan angin perubahan yang melanda negara kita ini menghakis nilai-nilai murni yang perlu dipertahankan.

Untuk mengenal pasti tahap penghayatan dalam diri pelajar, lima situasi telah digunakan untuk mendapat reaksi pelajar bagi setiap situasi. Situasi 1 adalah bagi mendapat reaksi pelajar terhadap tanggungjawab sebagai seorang bendahari bertujuan untuk melihat tahap penghayatan nilai murni kejujuran dan rasional. Pelajar aliran teknik yang tinggal di asrama mencapai nilai skor min yang paling tinggi iaitu pada item pertama dengan 4.09. Nilai skor min yang tinggi pada item pertama jelas menunjukkan pelajar dapat membuat keputusan yang rasional dengan memilih jawapan yang terbaik. Ini kerana pilihan jawapan pada item ke 2 dan ke 3 menunjukkan pelajar adalah seorang yang tidak amanah dan tidak dapat menilai baik buruk sesuatu tindakan. Bagi membuat pilihan yang terbaik, pelajar perlu memahami situasi yang telah diberikan terlebih dahulu sebelum membuat pilihan. Ini kerana pelajar yang tidak memahami situasi tersebut tidak akan dapat membuat pilihan yang tepat. Melalui pendekatan yang digunakan, tahap penghayatan nilai murni kejujuran dan rasional dapat dikenal pasti.

Situasi 2 adalah bagi mendapat reaksi pelajar apabila guru meminta mereka memberi beberapa sebab kerana tidak membuat kerja rumah yang telah diberikan. Bagi seseorang pelajar yang mempunyai tahap penghayatan nilai-nilai murni yang tinggi, sudah tentu akan mengakui kesalahan yang telah dilakukan dengan meminta maaf kepada guru sebagai tanda mereka menghormati guru dan jujur kepada diri sendiri. Tetapi bagi pelajar yang kurang penghayatan nilai-nilai murni biasanya akan cuba memberi pelbagai alasan yang logik agar tidak didenda. Hasil dapatan yang diperolehi daripada kajian ialah nilai skor min yang paling tinggi adalah pada item ke 6 iaitu pelajar meminta maaf di atas kesalahan dan menerima apa sahaja denda yang akan dikenakan. Ini menunjukkan pelajar dapat memahami nilai-nilai murni kejujuran, hormat menghormati dan berhemah tinggi.

Situasi 3 mengandungi 5 item bagi menunjukkan tindakan yang perlu di ambil oleh pelajar sewaktu berada di sekolah. Pelajar adalah merupakan harapan keluarga dan menjadi tanggungjawab mereka untuk menggunakan setiap waktu di sekolah dengan perkara-perkara yang berfaedah. Sebagai contoh, di sekolah mereka perlu rajin mengulangkaji pelajaran, berani bertanya kepada guru-guru, menghormati kawan-kawan dengan menjaga adab pergaulan, belajar untuk berdikari dan cuba membentuk diri menjadi contoh yang terbaik kepada pelajar-pelajar lain. Semua yang dinyatakan adalah menggambarkan nilai-nilai murni kerajinan, keberanian, hormat menghormati, berdikari dan berhemah tinggi.

Dapatan yang diperolehi menunjukkan tahap penghayatan terhadap nilai-nilai murni adalah berada pada tahap tinggi. Walau bagaimanapun terdapat satu item yang hanya berada pada tahap sederhana iaitu item yang ke 9 yang melibatkan pelajar yang tinggal di rumah bagi aliran teknik dan pelajar yang

tinggal di asrama dan di rumah bagi aliran vokasional. Item yang ke 9 adalah pelajar belajar untuk tidak bergantung pada orang lain. Ini menunjukkan pelajar terutamanya yang tinggal di rumah tidak merasakan mereka perlu untuk belajar berdikari ketika berada di sekolah disebabkan mereka masih bergantung sepenuhnya kepada ibu bapa dan guru-guru. Mengikut Hairunnaja (2003), pelajar merupakan golongan remaja yang masih dikira belum matang dalam membuat sebarang keputusan. Sebarang keputusan dan tindakan masih bergantung kepada mereka yang lebih matang seperti ibu bapa dan guru-guru.

Situasi 4 adalah bagi mendapatkan reaksi pelajar terhadap tanggungjawab seorang pelajar setelah melakukan kesalahan tanpa disengajakan bersama rakan-rakan. Di mana situasi 4A dan 4B adalah pelajar dan beberapa orang rakannya sedang bermain bola tampar dan salah seorang dari mereka telah menyebabkan tingkap bangunan pecah akibat terkena bola yang dipukul dengan kuat. Item yang paling tinggi skor min bagi pelajar aliran teknik dan vokasional adalah pada item ke 12 iaitu pelajar pergi berjumpa guru berkenaan dan menerangkan apa yang telah terjadi. Pelajar telah membuat keputusan yang terbaik iaitu dengan mengaku kesilapan yang telah dilakukan dan sama-sama bertanggungjawab walaupun kesalahan tersebut dilakukan oleh salah seorang dari mereka.

Situasi 5 adalah bagi mendapatkan reaksi pelajar sebagai seorang rakan dan juga jiran. Nilai-nilai murni yang ingin diterapkan adalah berhemah tinggi, kesyukuran, semangat bermasyarakat dan kasih sayang. Bagi pelajar aliran teknik yang tinggal di asrama dan di rumah, item yang paling tinggi skor min adalah item yang ke 17 iaitu pelajar menziarahi rakan dan memberi semangat kepadanya. Bagi pelajar aliran vokasional dan tinggal di asrama, item yang paling tinggi skor min juga pada item ke 17 tetapi bagi pelajar yang tinggal di rumah item yang paling tinggi skor adalah pada item ke 16 iaitu pelajar menziarahi rakan yang sakit. Item yang 17 adalah merupakan pilihan item yang terbaik berbanding item ke 16 kerana pada item ke 17 pelajar bukan sekadar menziarahi rakan tetapi memberi semangat kepada rakan yang terlibat dengan kemalangan.

Secara keseluruhannya tahap penghayatan dalam diri pelajar adalah berada pada tahap tinggi, di mana pelajar mengetahui dan memahami sepenuhnya tindakan yang perlu diambil dengan menilai setiap pilihan yang ada berdasarkan penghayatan nilai-nilai murni dalam diri mereka. Proses penghayatan nilai-nilai murni tidak boleh terhenti setelah tahap penghayatan nilai-nilai murni dalam diri seseorang itu berada di tahap tinggi tetapi sepatutnya proses penghayatan nilai-nilai murni ini mestilah berterusan.

### **Amalan Penghayatan Pelajar Terhadap Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Kehidupan Sehari-hari Pelajar**

Persoalan kajian 2 : Adakah penerapan nilai-nilai murni yang telah diterapkan di sekolah dapat dihayati oleh pelajar dalam kehidupan seharian mereka?

*Jadual 2.0 : Julat Skor Min Bagi Amalan Penghayatan Nilai-Nilai Murni*

Kod Kumpulan	Julat	Tahap
1	1.00 – 2.33	Tidak Menghayati
2	2.34 – 3.67	Sederhana
3	3.68 – 5.00	Menghayati

Sumber : Adaptasi daripada Landell (1997, dalam Noorsuriani, 2000)

Jadual 2.1 : Rumusan analisis bagi Amalan Penghayatan Pelajar Terhadap Penerapan Nilai-Nilai Murni

Aliran	Skor Min					
	Asrama		Rumah		Keseluruhan	
<b>Amalan Penghayatan Pelajar Terhadap Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Kehidupan Sehari-hari.</b>						
Teknik	3.82	Menghayati	3.54	Sederhana	3.69	3.59
Vokasional	3.63	Sederhana	3.39	Sederhana	3.51	

Dengan merujuk hasil analisis dalam jadual 2.1, dapat menjawab persoalan adakah penerapan nilai-nilai murni yang telah diterapkan dapat dihayati oleh pelajar dalam kehidupan seharian atau tidak. Skor min keseluruhan bagi amalan penghayatan terhadap penerapan nilai-nilai dalam kehidupan pelajar adalah 3.59 iaitu berada pada tahap sederhana. Mengikut jadual 2.0 yang telah diadaptasi daripada Landell (1997) dalam Noorsuriani (2000) tahap sederhana adalah pada skor min dari 2.34 hingga 3.67. Ini bermaksud terdapat sebahagian item yang dapat dihayati oleh pelajar dan sebahagian item yang kurang dihayati dalam konteks kehidupan seharian pelajar.

Item yang paling tinggi skor min adalah pada item di bawah nilai-nilai murni hormat menghormati. Item tersebut adalah pelajar menghormati peraturan sekolah dengan hadir ke sekolah sebelum loceng dibunyikan. Nilai skor min bagi pelajar aliran teknik adalah berada pada tahap menghayati dengan skor min 4.69 dan 4.78 bagi aliran vokasional. Dengan ini jelas menunjukkan pelajar dapat menghayati nilai murni hormat menghormati dalam kehidupan seharian dengan mematuhi peraturan sekolah dan patuh kepada peraturan masa.

Manakala item yang paling rendah nilai skor min adalah pada item kasih sayang. Pelajar yang menyayangi guru-guru akan menziarahi guru-guru ketika sakit. Pelajar aliran vokasional yang tinggal di rumah hanya memperolehi skor min paling rendah pada tahap tidak menghayati dengan nilai skor min 1.87. Sementara itu pelajar aliran vokasional yang tinggal di asrama memperolehi skor min pada tahap sederhana iaitu dengan nilai skor min 2.50. Bagi pelajar aliran teknik yang tinggal di asrama dan di rumah juga hanya memperolehi skor min pada tahap tidak menghormati. Untuk itu dapatan yang diperolehi jelas menunjukkan bahawa pelajar tidak menghayati nilai murni kasih sayang di mana apabila guru-guru sakit, mereka memilih untuk tidak menziarahi guru berkenaan. Di sini guru-guru perlu lebih menerapkan nilai-nilai kasih sayang dalam diri pelajar agar hubungan yang mesra di antara guru dan pelajar dapat diwujudkan.

Selain itu item yang memperolehi nilai skor min yang rendah juga iaitu di bawah nilai murni semangat bermasyarakat. Nilai skor min menunjukkan bagi ke dua-dua aliran teknik dan vokasional hanya berada pada tahap sederhana. Dapat dilihat secara keseluruhan tahap penghayatan nilai murni semangat bermasyarakat kurang dihayati. Ini adalah mungkin pelajar remaja kini kurang mengamalkan hidup bermasyarakat, amalan hidup berbaik-baik, bertolak ansur serta sedia bekerjasama dengan jiran (N. Rajendran, et.al, 1995). Seperti yang diketahui jiran adalah merupakan pihak yang penting yang perlu dijaga dan dihormati. Kita perlu sentiasa menjaga dan menegur sapa jiran agar dapat mewujudkan suasana yang harmoni dalam masyarakat. Guru-guru dan ibu bapa perlu lebih memberi penekanan dalam menerapkan nilai-nilai murni semangat bermasyarakat agar semangat ini tidak hilang dalam diri remaja yang merupakan generasi wawasan yang akan menerajui negara pada masa hadapan.

Selain itu dapatan yang diperolehi jelas menunjukkan perbezaan yang ketara dapat dilihat pada aliran teknik bagi pelajar yang tinggal di asrama dan di rumah. Nilai skor min bagi pelajar aliran teknik yang tinggal di asrama adalah 3.82 iaitu berada pada tahap menghayati manakala pelajar yang tinggal di rumah hanya berada pada tahap sederhana. Apa yang dapat dikatakan di sini, pihak sekolah berjaya menerapkan nilai-nilai murni dalam diri pelajar-pelajar asrama. Sebagai contoh pelajar di asrama wajib solat berjemaah, tetapi adakah pelajar yang tinggal di rumah dapat solat secara berjemaah bersama

keluarga? Untuk itu institusi keluarga perlu memainkan peranan yang lebih dalam menerapkan nilai-nilai murni seiring dengan penerapan yang dilaksanakan di sekolah.

Hubungan kekeluarga adalah merupakan faktor penting yang mencorakkan diri remaja. Apabila pelajar kurang mendapat perhatian dari ibu bapa, pelajar bebas melakukan tanpa batasan. Kajian Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) mendapati bahawa kerenggan hubungan kekeluargaan menjadi punca utama terjebak ke kancah maksiat (Mardzelah et.al, 2004). Sebelum berlaku perkara yang tidak diingini sama seperti kajian yang telah dilakukan oleh LPPKN, guru-guru dan ibu bapa perlu berganding bahu menerapkan nilai-nilai murni dalam diri pelajar dan sama-sama menghayati dalam kehidupan seharian. Menurut Ahmad Jaffni Hassan (1991), nilai-nilai positif yang dititik beratkan di sekolah seharusnya juga diberi penekanan yang sama di rumah dan di tempat-tempat lain di luar sekolah. Jika nilai yang sama tidak dipupuk di luar sekolah maka sebarang nilai positif yang ingin diterapkan di sekolah tidak berkesan.

### Tahap Pembentukan Disiplin Dalam Kehidupan Seharian.

Persoalan kajian 3 : Apakah tahap pembentukan disiplin dalam kehidupan seharian pelajar?

Jadual 3.0 : Tahap Skor Min Tahap Pembentukan Disiplin Pelajar

Kod Kumpulan	Julat	Tahap
1	1.00 – 2.33	Rendah
2	2.34 – 3.67	Sederhana
3	3.68 – 5.00	Tinggi

Sumber : Adaptasi daripada Landell (1997, dalam Noorsuriani, 2000)

Jadual 3.1 : Rumusan Analisis Bagi Tahap Pembentukan Disiplin Pelajar

Aliran	Skor Min					
	Asrama		Rumah		Keseluruhan	
<b>Tahap Pembentukan Disiplin Pelajar Dalam Kehidupan Seharian</b>						
Teknik	3.64	Sederhana	3.5907	Sederhana	3.62	3.51
Vokasional	3.54	Sederhana	3.27	Sederhana	3.40	

Hasil daripada analisis bagi mengenal pasti tahap pembentukan disiplin diri pelajar menunjukkan skor min hanya berada pada tahap sederhana dengan nilai skor 3.51. Ini berdasarkan kepada tahap skor min dalam jadual 3.0 di bawah yang telah diadaptasi dari Landell (1997) dalam Noorsuriani (2000) di mana tahap sederhana adalah pada skor min dari 2.34 hingga 3.67.

Secara keseluruhan skor min bagi tahap pembentukan disiplin adalah sederhana, ini adalah kerana terdapat sebahagian bilangan item yang berada pada tahap tinggi dan sebahagian item berada pada tahap sederhana. Bagi pelajar aliran teknik yang tinggal di asrama dan di rumah, sebanyak tujuh item yang mana skor min berada pada tahap tinggi dan sebanyak 6 item berada pada tahap sederhana.

Sebagai contoh item-item yang berada pada tahap tinggi adalah pelajar tidak menghisap rokok, pelajar tidak suka berambut panjang dan pelajar tidak memilih kawan yang tidak mengikut peraturan sekolah. Bagi item yang berada pada tahap sederhana pula adalah pelajar senior dapat bertoleransi tanpa perlu

bertegas dengan pelajar-pelajar baru dan pelajar dapat membuat kerja sekolah sendiri tanpa perlu meminta rakan lain menyiapkan kerja sekolah.

Dengan ini jelas menunjukkan bahawa walaupun tahap pembentukan disiplin bagi kedua-dua aliran adalah berada pada tahap sederhana tetapi dari segi bilangan item aliran teknik lebih banyak item yang berada pada tahap tinggi berbanding aliran vokasional. Namun tiada item yang berada pada tahap rendah. Dengan ini menunjukkan tahap pembentukan disiplin pelajar masih boleh dipertingkatkan lagi.

Untuk itu pihak sekolah perlu mengambil langkah-langkah dengan memberi tumpuan yang lebih kepada pelajar aliran vokasional dan pelajar yang tinggal di rumah. Pada peringkat usia remaja, biasanya pelajar bertindak mengikut emosi dalam mencari identiti mereka. Ahli psikologi mengistilahkan alam remaja sebagai 'umur emosi' (*emosional age*) kerana diperingkat mencari identiti mereka sering berhadapan dengan konflik diri di mana wujud dua pertembungan iaitu sifat kanak-kanak dan keinginan serta kebimbangan untuk menempuh alam dewasa. Kadang-kadang pelajar melakukan kesalahan hanya sekadar untuk mendapat kasih sayang dan perhatian daripada guru-guru dan keluarga.

### **Kesan Penghayatan Nilai-Nilai Murni Dalam Pembentukan Disiplin Pelajar.**

Nilai korelasi bagi penghayatan nilai-nilai murni dengan pembentukan disiplin pelajar adalah 0.535. Kekuatan hubungan ini adalah sederhana. Ini menunjukkan penghayatan nilai-nilai murni mempunyai hubungan yang sederhana dengan pembentukan disiplin pelajar. Kekuatan hubungan yang sederhana bagi populasi yang dipilih adalah kerana di sekolah tersebut wujud 2 aliran iaitu teknik dan vokasional yang mana kelayakan akademik yang berbeza dan wujud perbezaan antara pelajar yang tinggal di asrama dan juga di rumah yang menyumbang kepada perbezaan tahap, amalan penghayatan nilai-nilai murni dan pembentukan disiplin pelajar yang seterusnya menyebabkan kekuatan hubungan antara penghayatan nilai-nilai murni dan pembentukan disiplin pelajar berada pada julat yang sederhana.

Di samping itu juga kekuatan hubungan sederhana apabila penghayatan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian pelajar adalah berada di tahap sederhana iaitu pelajar kurang menjadikan nilai-nilai murni sebagai amalan dalam tindakan seharian. Mereka sekadar memahami tanpa mengamalkannya.

Untuk itu pihak sekolah tidak boleh leka lagi dengan memastikan proses penghayatan nilai-nilai murni adalah menyeluruh dan berterusan di mana pelajar dapat memahami dan menghayati ke semua 16 nilai murni yang telah disebutkan, di samping nilai-nilai baik yang perlu ada dalam diri bagi membantu membentuk peribadi pelajar lebih unggul dan berdisiplin.

### **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya tahap penghayatan dalam diri pelajar adalah berada pada tahap tinggi, di mana pelajar dapat memahami nilai-nilai murni dan apabila diberi masalah untuk diselesaikan, mereka dapat berfikir untuk menyelesaikan dengan cara yang terbaik. Sebagai contoh apabila seseorang memahami kandungan Al-Quran ia akan memberi kesan kepada pembentukan pemikiran, pembinaan perasaan dan pembawaan hidup seseorang (Abdul Halim, 1991). Begitu juga apabila memahami nilai-nilai murni sebagai nilai yang dapat membentuk peribadi yang terpuji, akan memberi kesan terhadap pemikiran pelajar. Untuk itu apabila pelajar diminta reaksi daripada situasi yang diberikan, pelajar dapat memberi pilihan yang terbaik kerana tahap penghayatan nilai-nilai murni dalam diri pelajar adalah tinggi.

Tahap penghayatan nilai-nilai murni dalam diri pelajar berada pada tahap tinggi tetapi dari segi amalan penghayatan pelajar terhadap penerapan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian pelajar adalah berada pada tahap sederhana. Penghayatan nilai-nilai murni sebenarnya adalah pelajar bukan sahaja mengetahui dan memahami nilai-nilai murni tetapi mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian. Proses penghayatan nilai murni dapat dilakukan seperti mana konsep umat Islam menghayati al-Quran. Menurut Abdul Halim (1991), apabila seseorang itu menghayati al-Quran bukan sahaja adalah dalam bentuk pembacaan dan pelaksanaan idea dalam semua aspek, termasuk penghayatan dalam mengamalkan nilai-nilai dan hukum hakam dalam segala bentuknya. Di sini dapat dilihat pelajar mengetahui dan memahami nilai-nilai murni dalam diri tetapi kurang menghayati dan mengamalkan

nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian mereka. Untuk itu penghayatan nilai-nilai murni dalam erti kata sebenar amat penting yang mana dapat membantu membentuk disiplin dalam diri.

Dapatan kajian untuk mengenal pasti tahap penghayatan nilai-nilai murni dalam diri pelajar adalah berada pada tahap tinggi. Tahap penghayatan nilai-nilai murni berada pada tahap tinggi ini apabila pelajar mengetahui dan memahami sepenuhnya tindakan yang perlu diambil dengan menilai setiap pilihan yang ada berdasarkan penghayatan nilai-nilai murni dalam diri mereka.

Seterusnya responden dibahagikan mengikut tempat tinggal iaitu di asrama dan di rumah. Dilihat wujud perbezaan skor min di antara pelajar aliran teknik yang tinggal di rumah dan pelajar aliran vokasional yang tinggal di rumah. Skor min bagi pelajar aliran teknik yang tinggal di rumah adalah 3.75 iaitu berada pada tahap tinggi dan pelajar aliran vokasional yang tinggal di rumah adalah 3.63 iaitu berada pada tahap sederhana.

Perbezaan tahap penghayatan nilai-nilai murni di antara pelajar aliran teknik dan vokasional ini wujud adalah disebabkan oleh beberapa faktor. Tetapi salah satu faktor yang mendorong keputusan ini adalah dari segi kelayakan akademik pelajar. Syarat kelayakan akademik seseorang pelajar yang ingin belajar di sekolah menengah teknik bagi aliran teknik atau vokasional adalah berbeza. Untuk itu faktor kelayakan akademik pelajar dikira salah satu faktor yang dapat menjawab kepada kenapa wujudnya perbezaan dari segi tahap penghayatan bagi pelajar aliran teknik dan vokasional.

Walau bagaimanapun tahap penghayatan nilai-nilai murni ini masih dapat ditingkatkan dengan usaha yang berterusan oleh pihak sekolah dan ibu bapa. Ini adalah kerana proses penerapan dan penghayatan ini tidak boleh terhenti pada satu tahap sahaja. Ibu bapa perlu memainkan peranan dengan memberi tunjuk ajar dan contoh yang terbaik kepada anak-anak mereka. Ini kerana pelajar yang terlibat adalah pelajar aliran vokasional yang tinggal di rumah. Nilai-nilai hidup yang baik perlu ditanam, dipupuk dan dibentuk dalam diri seorang pelajar kerana mereka adalah merupakan pelapis generasi yang akan datang. Sekiranya nilai-nilai ini tidak terapkan dari sekarang sistem nilai dalam masyarakat negara kita pasti akan berubah ke arah yang lebih buruk (Toffler, 1969). Jangan biarkan angin perubahan yang melanda negara kita ini menghakis nilai-nilai murni yang perlu dipertahankan.

## Rujukan

- Abdul Halim El- Muhammady (1991). "Pendidikan Islam, (Falsafah, Disiplin dan Peranan Pendidik)." Kuala Lumpur : Dewan Pustaka Islam.
- Ahmad Jaffni Hassan (1991). "Situasi Disiplin Sekolah : Sorotan Imbasan Sebuah Laporan Kajian Kajiselidik". dlm. Rohaty Mohd Majzub, T.Subahan Mohd Meerah, Faridah Karim dan Ahmad Jaffni Hassan. "Disiplin dalam Pendidikan." Kuala Lumpur : Nurin Enterprise. 85-118.
- Ahmad Khamis (1999). "Etika (Pendidikan Moral) untuk Institusi Pengajian Tinggi." Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Haslina Hassan (2000). "Gengsterisme Di Sekolah Menengah Harian : Mencegah Sebelum Menjadi Barah." dlm. Dewan Masyarakat. Jun. hlm 17-20.
- Sarjit Singh Gill (2004). "Merotan Sebagai Jalan Penyelesaian ?." dlm. Majalah Masyarakat. Januari. hlm 18-20.
- Mohd. Majid Konting (2000). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Selangor : Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Najib Abdul Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan." Skudai :Universiti Teknologi Malaysia,
- N. Rajendran dan Ee Ah Meng (1995). "Pendidikan Moral (Dinamika Guru)." Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti.



**LAMPIRAN A**

**Kelayakan Akademik Pelajar**

**Aliran Teknik**

Pemohon dikehendaki memenuhi syarat -syarat seperti berikut:

<b>Jurusan</b>	<b>Pencapaian Mata Pelajaran PMR Tahun 2003</b>	
	<b>Syarat Utama Semenanjung</b>	<b>Syarat Tambahan Semenanjung</b>
Kejuruteraan Mekanikal  Kejuruteraan Awam  Kejuruteraan Elektrik  Pertanian  Perdagangan	Mendapat pencapaian minimum dalam semua mata pelajaran berikut: a. Bahasa Melayu.....B b. Matematik ..... C c. Sains .....C d. Kemahiran Hidup .....C	Mendapat pencapaian minimum Peringkat C dalam 1 (satu) mata pelajaran dan Peringkat D dalam 2 (dua) mata pelajaran lain.
	<b>Syarat Utama Sarawak, Sabah &amp; Labuan</b>	<b>Syarat Tambahan Sarawak, Sabah &amp; Labuan</b>
	Mendapat pencapaian minimum dalam semua mata pelajaran berikut: a. Bahasa Melayu.....C b. Matematik .....C c. Sains.....C d. Kemahiran Hidup .....C	Mendapat pencapaian minimum Peringkat C dalam 1 (satu) mata pelajaran dan Peringkat D dalam 2 (dua) mata pelajaran lain.

**Aliran Vokasional**

Pemohon dikehendaki memenuhi syarat -syarat seperti berikut:

Kursus	Kesesuaian	Pencapaian Mata Pelajaran PMR Tahun 2003	
	Jantina	Syarat Utama	Syarat Tambahan
11. Elektrik 12. Elektronik 15. Automotif	Lelaki & Perempuan	Mendapat pencapaian minimum dalam semua mata pelajaran berikut:: a. Bahasa Melayu... ..C b. Jika Sains .... D, Matematik ..C c. Jika Matematik ...D, Sains....C d. Kemahiran Hidup.....C	Mendapat pencapaian minimum di Peringkat D dalam 1 (satu) mata pelajaran lain
13. Amalan Bengkel Mesin 14. Kimpalan & Fabrikasi Logam 16. Binaan Bangunan 17. Penyejukan & Penyamanan Udara	Lelaki & Perempuan	Mendapat pencapaian minimum dalam semua mata pelajaran berikut:: a. Bahasa Melayu.....D b. Sains.....D c. Matematik..... D d. Kemahiran Hidup..... D	
32.Pengurusan Perniagaan 21 . Katering 33 . Pengatur-caraan Komputer	Lelaki & Perempuan	Mendapat pencapaian minimum dalam semua mata pelajaran berikut:: a. Bahasa Melayu.....C b. Jika Sains ..D, Matematik ...C c. Jika Matematik .. D, Sains ...C d. Kemahiran Hidup..... C	

Kursus	Kesesuaian	Pencapaian Mata Pelajaran PMR Tahun 2003	
	Jantina	Syarat Utama	Syarat Tambahan
22. Rekaan Fesyen & Membuat Pakaian 23. Asuhan kanak-Kanak 25. Bakeri & Kenfeksioneri	Lelaki & Perempuan	Mendapat pencapaian minimum dalam semua mata pelajaran berikut:: a. Bahasa Melayu.....D b. Sains.....D c. Matematik..... D d. Kemahiran Hidup.....D	Mendapat pencapaian minimum di Peringkat D dalam 1 (satu) mata pelajaran lain
24. Seni Kecantikan	Perempuan		
41. Hortikultur Hiasan 42. Kejenteraan Ladang 43. Pengurusan Ladang	Lelaki & Perempuan		